

# Bola jaring IPT: UPM juara Zon Tengah Selatan

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) menebus kekecewaan lalu, dengan menjinakkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam 28-18 semalam, sekali gus memastikan kejuaraan Liga Bola Jaring IPT Zon Tengah Selatan, milik mereka. Kemenangan itu membolehkan UPM memperolehi RM2,000 sebagai juara zon manakala Taylor's dan UiTM, masing-masing menerima RM1,500 dan 1,000.

## **Grand Final 8 Mei**

Ketiga-tiga pasukan itu bersa-

ma Universiti Malaysia Sarawak (UniMas) yang menduduki tempat keempat, turut melengkapkan senarai 20 pasukan yang akan beraksi di Grand Final di Universiti Malaya (UM) pada 8-12 Mei ini.

Pasukan-pasukan lain yang sudah layak adalah Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Pahang dan Politeknik Muadzam Shah (zon timur); Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Utara Malaysia

dan Universiti Malaysia Perlis, (zon utara)

Universiti Teknologi Malaysia, Politeknik Port Dickson, Universiti Teknologi Mara Melaka dan Universiti Sains Islam Malaysia (zon selatan) serta Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (zon tengah utara).

**KEPUTUSAN:** UniMas mn UKM 22-16; UniKL-BMF mn KUDQ 31-10, UPM mn UiTM 28-18.